



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT SASAR BINA 100 BUAH TAMAN REKREASI MADANI SEPANJANG TAHUN 2024

PUTRAJAYA, 21 Februari 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mengumumkan sasaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membina 100 buah Taman Rekreasi MADANI sepanjang tahun 2024 di seluruh negara.

Inisiatif ini diputuskan susulan dari Mesyuarat Jawatankuasa Induk Panel of Experts (POE) KPKT Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YB KM semalam.

Sejak tahun 2023, Jawatankuasa Kecil POE telah dibentuk berdasarkan kepakaran ahli yang memfokuskan kepada tiga (3) bidang utama iaitu: Jawatankuasa Kecil Perumahan; Jawatankuasa Kecil Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Risiko Bencana; dan Jawatankuasa Kecil Perbandaran Mampan.

YB KM berkata, “Penubuhan Jawatankuasa Kecil ini membolehkan mereka bergerak lebih aktif dan efisien serta lebih fokus kepada bidang kepakaran setiap ahli. Ia diharap dapat membantu memberikan nasihat, pandangan serta cadangan kepada KPKT bagi menangani pelbagai isu dan cabaran yang mendatang.”

Dalam sektor perbandaran mampan, KPKT telah menyasarkan untuk membina 100 buah kawasan hijau awam di seluruh negara pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM50 juta. Sasaran ini melibatkan kerjasama merentasi jabatan di mana Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan penting dalam pelaksanaan inisiatif tersebut. Menurut statistik kementerian tahun 2022, Malaysia mempunyai seluas 23,433 hektar kawasan lapang yang berpotensi menjadikan kawasan hijau awam.

YB KM turut berkata, “KPKT dalam proses mempercepatkan proses pewartaan kawasan lapang bagi memastikan kawasan lapang sedia ada tidak ditukar guna.”

Mesyuarat Jawatankuasa Induk POE KPKT ini merupakan satu inisiatif strategik KPKT bagi menggembeng pengetahuan, pengalaman dan kepakaran pelbagai pihak untuk bersama-sama KPKT secara khusus dalam menentukan dasar dan program yang terbaik untuk rakyat.

Melalui mesyuarat yang telah berlangsung ini, pelbagai cadangan telah diusulkan meliputi pelbagai bidang fokus di bawah KPKT. Ia menunjukkan komitmen POE dalam menyokong KPKT bergerak seiring dengan hasrat Kerajaan MADANI ke arah pembangunan yang lebih mampan. KPKT juga akan terus melaksanakan kerjasama secara berterusan dengan pelbagai pihak bagi memantapkan lagi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

